



UNTUK SIARAN SEGERA

KENYATAAN MEDIA

JABATAN PERIKANAN MALAYSIA (DOF) MENYAMBUT JUBLI PERAK KE-25 TAHUN TAMAN LAUT MALAYSIA

1. Jabatan Perikanan Malaysia (DOF) menyambut Jubli Perak Ulangtahun Ke-25 Taman Laut Malaysia pada 20 Julai 2019 (Sabtu) bertempat di Pusat Taman Laut Pulau Tioman, Pahang.
2. Ianya diadakan bersempena dengan Hari Bertemu Pelanggan (HBP), Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani (MOA), Peringkat Negeri Pahang bertujuan untuk memberi peluang kepada masyarakat khususnya di Pulau Tioman dan kawasan sekitar untuk berinteraksi dan mendapatkan informasi terkini mengenai perkhidmatan yang ditawarkan oleh Jabatan khususnya dan Kementerian umumnya.
3. Taman Laut telah ditubuhkan pada tahun 1994, hasil cetusan idea YAB Tun Dr. Mahathir Mohamad yang merupakan Perdana Menteri ke-4 pada ketika itu, sebagai usaha **pengurusan sumber marin yang lebih sistematik** bagi masa depan khazanah laut negara. Sehingga kini, terdapat sebanyak 42 pulau yang diwartakan sebagai Taman Laut di 5 negeri yang mempunyai Taman Laut iaitu Pahang, Terengganu, Johor, Kedah dan WP Labuan.
4. Penubuhan Taman Laut mempunyai peranan bagi memastikan perairan Taman Laut sentiasa dikawal selia dan dilindungi khusus untuk **mempertingkatkan sumber perikanan, memelihara dan melindungi ekosistem laut.**
5. Ini berikutan terdapat kesedaran bahawa sumber perikanan dari laut telah mengalami penyusutan. **Kawasan terumbu karang** yang merupakan habitat pelbagai spesis ikan komersil berlindung, membiak, mencari makan telah terdedah kepada pelbagai ancaman semula jadi atau akibat kegiatan manusia.

6. Pulau Tioman dipilih sebagai lokasi sambutan kerana ia satu-satunya pulau yang menerima pengiktirafan sebagai Kawasan Perlindungan Marin (MPA) Kategori Tahap 4: Flagship Regional Sites yang merupakan **tahap tertinggi** dalam penilaian tersebut. Pulau ini juga antara yang terbesar di perairan Pantai Timur Semenanjung Malaysia.
7. Taman Laut juga terlibat di dalam *International Coral Reef Initiative (ICRI)*, *Coral Triangle Initiative (CTI)*, penilaian semula garis panduan berkaitan *Ecologically or Biologically Significant Marine Areas (EBSA)* di peringkat *Convention on Biological Diversity (CBD)*. Hasil daripada ini, Taman Laut Malaysia menjadi **pusat rujukan bagi negara yang sedang menaik taraf pengurusan sumber marin** seperti negara Bangladesh, India, China dan Hong Kong.
8. Hasil penubuhan Taman Laut Pulau Tioman menyaksikan perubahan besar dalam sosioekonomi masyarakat di sini yang terdiri daripada lebih 3,500 orang. Dianggarkan seramai lebih 250 ribu pelancong datang ke Taman Laut Pulau Tioman setiap tahun. Adalah menjadi hasrat Kementerian untuk menjadikan **Pengurusan Perikanan dan Agro Pelancongan** sebagai salah satu sumber pendapatan ekonomi setempat.
9. Taman Laut menjalankan **kerjasama strategik** dengan universiti tempatan dan pihak NGO dalam usaha mengurus dan merancang penubuhan taman-taman yang baharu. Kerjasama ini juga membantu Taman Laut dalam sistem pemantauan tahap kesihatan terumbu karang. Pada tahun 2018, Taman Laut berjaya mengekal dan meningkatkan tahap kesihatan terumbu karang pada tahap 26%-50%.
10. Penglibatan orang awam di dalam program-program Taman Laut adalah **sangat memberangsangkan** di mana melalui kempen dan mesej yang dihebahkan mendapat sambutan baik dan diterima di pelbagai peringkat masyarakat. Usaha ini telah menampakkan hasil di mana generasi muda kini lebih memahami mengenai kepentingan pemuliharaan yang dilaksanakan oleh Jabatan.

11. Di dalam majlis sambutan ini, pelbagai aktiviti menarik diadakan antaranya Perhimpunan Nelayan Komuniti Perikanan (myKP), Sesi Penerangan dan Kaunter Perkhidmatan Interaktif, *Ghost Net Removal Expedition*, Perasmian Jubli Perak Taman Laut, Perasmian Jeti Taman Laut, Ujirasa Produk Inovasi Perikanan dan pelbagai aktiviti kemasyarakatan.
12. Program ini dirasmikan oleh YBhg. Dato' Mohd Sallehuddin bin Hassan Ketua Setiausaha, Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani. Turut serta, YH. Dato' Munir Mohd Nawi, Ketua Pengarah, Jabatan Perikanan Malaysia.

###

Kenyataan media ini disiarkan oleh :

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

Ibu Pejabat, Jabatan Perikanan Malaysia

Wisma Tani, Putrajaya

20 Julai 2019 (Sabtu) jam 2:00 petang.

Sebarang pertanyaan sila hubungi :-

No. Tel : 012-356 9344 (Yazeereen)

012-664 9570 (Aqilah)

Email : ukk@dof.gov.my ; pro@dof.gov.my